

# SAHIH AL-BUKHARI: SATU ANALISIS TENTANG KESAHIHAN HADIS-HADIS YANG TERKANDUNG DI DALAMNYA

Prof. Madya Dr. Udah Mohsin  
Jabatan Akidah dan Falsafah UKM

*This article describes the Hadith in Sahih al-Bukhari and Bukhari's methodology in writing, as well as critiques from other scholars*

Sahih al-Bukhari merupakan sebuah kitab hadis yang paling mahsyur sekali di kalangan umat Islam, khususnya di kalangan mereka yang banyak membaca hadis-hadis Rasulullah, oleh yang demikian adalah perlu diketahui nilai hadis-hadis yang terkandung di dalamnya. di dalam tulisan ini akan disentuh tentang hukum hadis-hadis yang terdapat di dalam Sahih al-Bukhari sama ada Sahih atau sebaliknya.

## **Kandungan Sahih al-Bukhari**

Sahih al-Bukhari ditulis adalah bertujuan untuk mengumpulkan Hadis-hadis sahih sahaja. Ini dapat diketahui dari perkataan Imam al-Bukhari: "Aku tidak meriwayatkan di dalam kitab ini kecuali Hadis-hadis sahih dan lebih banyak lagi Hadis-hadis sahih yang aku tinggalkan."<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>Ibn. Hajar, Ahmad bin Ali bin Hajar, *Hady al-Sari*, tahqiq Ibrahim `iwad, Misr, Mustafa al-Babi al-Halabi, 1963, J. I. hal. 18.

Katanya lagi: "Aku tidak memasukkan ke dalam kitabku yang *jami'*, kecuali Hadis-hadis yang sahih dan aku tinggalkan hadis-hadis sahih yang lain supaya ia tidak menjadi panjang."<sup>1</sup>

Katanya lagi: "Aku tidak memasukkan di dalam sahihku ini satu hadis pun kecuali aku beristikharah kepada Allah dan yakin kesahihannya."<sup>2</sup>

Selain dari penjelasan Imam al-Bukhari di atas dari nama Sahih al-Bukhari yang asal, sebagaimana yang dinamakan oleh tuannya dapat diketahui bahawa matlamat pengumpulan Imam al-Bukhari di dalam kitabnya itu hanya kepada hadis-hadis sahih sahaja. Nama yang asal bagi Sahih al-Bukhari ialah: *al-Jami' al-sahih al-Musnad Min Hadith Rasulullah s.a.w. Sunanih wa Ayyamih*<sup>3</sup> dalam satu riwayat: Disebut selepas perkataan *al-Musnad* terdapat perkataan *al-Mukhtasar*.<sup>4</sup>

Perkataan *al-Jami'* menunjukkan bahawa hadis yang terdapat di dalam kitab itu merangkumi semua bidang, bukan hanya terbatas di dalam masalah-masalah tertentu sahaja.

*Al-Sahih*: Menunjukkan bahawa hadis-hadis yang terdapat di dalam kitab itu adalah sahih.

*al-Musnad*: Bahawa hadis-hadis yang terdapat di dalam kitab itu mempunyai sunad yang berhubung.

*Al-Mukhtasar*: Menunjukkan kitab itu adalah ringkas, dengan itu ia tidak mengandungi semua hadis sahih.

Dari keterangan di atas terbukti bahawa matlamat pengumpulan hadis-hadis di dalam *Sahih al-Bukhari* adalah kepada hadis sahih sahaja.

## Manhaj Imam al-Bukhari Di Dalam Sahihnya

Melalui kajian terhadap *Sahih al-Bukhari*, dapat diketahui syarat yang

---

<sup>1</sup>*Ibid.*

<sup>2</sup>*Ibid.*, J. II. hal. 106.

<sup>3</sup>*Ibid.*, hal. 19.

<sup>4</sup>al-Husayni, Abd. Majid hashim, *al-Imam al-Bukhari, Muhaddithan wa faqihan*, Misr, al-Dar al-qawmiyyah li al-Tiba'ah, hal. 87.

ditentukan oleh Imam al-Bukhari terhadap hadis yang diriwayatkan, iaitu hadis yang diriwayatkan oleh perawi-perawi yang disepakati kethiqahan mereka oleh ulama-ulama yang *thiqah* dan *dabt* sehingga kepada sahabat yang mahsyur, sanadnya berhubung (*muttasil*), tidak terputus, jika yang meriwayatkannya dari sahabat itu dua orang atau lebih itu adalah baik dan jika yang meriwayatkannya dari sahabat itu hanya seorang sahaja melalui *tariq* yang sah itu sudah cukup.<sup>1</sup>

Dari kenyataan di atas dapat difahami manhaj al-Bukhari di dalam sahihnya adalah untuk meriwayatkan Hadis yang diriwayatkan oleh perawi-perawi yang adil dan *dabt* dan sanad hadis itu berhubung. Ini adalah merupakan syarat bagi hadis sahih.

Sanad yang menggunakan lafaz '*an, al-Bukhari*' mensyaratkan bahawa orang yang menggunakan lafaz itu hendaklah telah sabit pertemuan di antaranya dengan orang yang diriwayatkan daripadanya, di samping ianya sebagai seorang yang *thiqah*.<sup>2</sup>

Menurut Abn Hajar, setelah dikaji dari apa yang dilakukan oleh al-Bukhari dalam sahihnya bahawa takrif hadis Sahih, ialah: Sanadnya berhubung, semua perawi-perawinya adil dan *dabit*, jika kurang, ia memerlukan kepada ditampung, hadis itu tidak mempunyai cacat (*'illah*) yang menjejaskan dan hadis itu tidak *shadh*.<sup>3</sup>

Dari kajian yang dibuat oleh para ulama dan dari pengakuan Imam al-Bukhari sendiri menunjukkan hadis-hadis yang menjadi matlamat pengumpulan beliau di dalam sahihnya adalah kepada hadis-hadis sahih iaitu hadis yang mencukupi syarat bagi hadis Sahih. Oleh kerana itu jika terdapat hadis-hadis yang tidak mencukupi syarat-syarat tersebut, itu adalah bukan asal tujuan pengumpulannya.

## Kritik Terhadap Sahih Bukhari

### 1. Kritik Sanad.

Terdapat para hadis yang telah mengkritik *Sahih al-Bukhari*, seperti al-

---

<sup>1</sup>Ibn Hajar, *hady al-Sari*, jil. 1, hal. 20; al-Maqdisi, *Shurut al-Aimmah al-Sittah*, tahqiq Muhammad zahid al-Kawthari, Misr, Maktabah, Atif, J. IV., hal. 11.

<sup>2</sup>Ibn Hajar, *al-Nukat*, Manuskrip, Maktabah al-Azhar al-Sharif, dipetik dari al-Husayni, *I-Imam al-Bukhari muhaddithan wa fiqihan*, hal. 90.

<sup>3</sup>*Ibid.*

Darqutni dan lain-lain. Di sini saya akan hanya memperkatakan dengan secara ringkas. Menurut Abn Hajar, hadis-hadis yang dikritik oleh al-Darqutni ini, terdapat *tariq* yang lain meriwayatkannya.<sup>1</sup> Oleh kerana itu sebagaimana yang dinyatakan oleh Dr. al-Husayni Abd. Majid Hashim, seorang ulama Hadis yang terkenal di Mesir, kritik ini tidak menjejaskan kesahihan matan hadis tersebut.<sup>2</sup> Kerana di sana terdapat beberapa sanad lain yang sah. Seterusnya katanya lagi: Tidak terdapat hadis *fard* yang daif di dalam *Sahih al-Bukhari*. Jika terdapat hadis *mudaaf* yang dikritik, kritikan ini telah dijawab dan ternyata kesahihan hadis yang dikritik itu, hadis itu juga telah dikuatkan melalui *tariq* lain yang tidak dikritik. Matan hadis yang dikritik kerana sama ada *mudraj* atau tidak, telah diterangkan oleh al-Bukhari. Dengan ini nyata kesahihan matan hadis tersebut. Menurut Abn al-Salah: Hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* yang didaifkan adalah diasaskan kepada kecacatan yang tidak menjejaskan kesahihannya. Menurutrnya lagi: Hadis-hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dengan *sanad* yang *muttsil* adalah dihukum sah.<sup>3</sup>

Menurut Ibn Hjar secara ringkasnya untuk menolak kritikan terhadap *Sahih al-Bukhari* tersebut, adalah tidak syak lagi Imam al-Bukhari kemudian selepasnya Imam Muslim merupakan orang yang paling terkehadapan pada zaman keduanya dan selepasnya di dalam bidang itu bagi mengetahui hadis yang sah dan cacat. Katanya lagi: Apabila diketahui dan diakui bahawa al-Bukhari dan Muslim tidak akan meriwayatkan hadis kecuali yang tidak ada cacat, atau ada pun, cacat itu tidak menjejaskan menurut kedua-duanya, oleh itu sekiranya terdapat orang yang mengkritik kedua-duanya maka itu akan bertentangan dengan hukuman yang telah dibuat oleh kedua-duanya, tidak syak lagi pendapat kedua-dua lebih diutamakan dari pendapat yang lain.<sup>4</sup>

Seterusnya Ibn Hajar di dalam kitabnya *Hady al-Sari* telah menjawab kritikan yang dibuat oleh Darqutni itu dengan panjang lebarnya secara terperinci.<sup>5</sup>

Menurut Ibn Hajar: Setiap perawi yang diriwayatkan hadis oleh al-Bukhari di dalam sahihnya sebagai *al-Mutaba`ah al-Shahid* dan *al-ta`liq*

-----

<sup>1</sup>Ibn Hajar, *Hady al-Sari*, J. 11, hal. 105.

<sup>2</sup>al-Husayni, *al-Imam al-Bukhari Muhaddithan wa Faqihan*, hal. 211.

<sup>3</sup>Ibn al-Salah, *Muqadimmah Ibn al-Salah* di dalam *al-Taqyid wa al-Idah*, hal. 22.

<sup>4</sup>Ibn Hajar, *Hady al-Sari*, Jil. 11, hal. 106 - 142.

<sup>5</sup>*Ibid*, hal. 106 - 143; al-Husayni, *al-Imam al-Bukhari Muhaddithan wa Faqihan*, hal. 212 - 223.

menunjukkan bahawa perawi itu adil menurutnya, sabit kedabitan dan tidak lalai, di samping *jumhur al-Aimmah* telah menamakan *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* dengan *al-Sahihayn*.<sup>1</sup>

Ibn Hajar seterusnya ada menerangkan sebab seseorang perawi itu *ditajrihkan*. Ini dikembalikan kepada lima perkara iaitu *al-Bid`ah*, *al-Mukhalafah*, *al-Ghalat*, *jahalah al-Hal* dan *al-Da`wa al-Inqita' fi al-Sanad*. Yang akhir ini disebabkan seseorang perawi itu melakukan *tadlis* atau *irsal*.

1. *Al-Bid`ah* - perbuatan bidaah ada yang membawa kepada akfir dan ada yang tidak, seseorang yang melakukan bidaah yang boleh membawa kepada kafir, tidak terdapat di dalam *Sahih al-Bukhari* walau seorang pun. Adapun perbuatan bidaah yang tidak membawa kepada kafir dan orang itu menjaga diri dari melakukan pendustaan, menjaga maru'ah, berpegang teguh dengan ajaran agama, dia jua tidak mengajak orang lain melakukan bidaahnya, maka menurut yang lebih adil, dan yang dilakukan oleh *Tawaf min al-Ummah*, ia adalah diterima.
2. *al-Mukhalafah* iaitu yang menjadikan suatu hadis, *shadh* atau *munkar*, ini tidak terdapat dalam *Sahih al-Bukhari* kecuali terlampau sedikit dan telah dijelaskan sebelumnya.
3. *al-Ghalat* iaitu salah di dalam meriwayatkan hadis. Kesalahan di dalam meriwayatkan hadis ada dua bentuk, kesalahan yang sedikit dan kesalahan yang banyak, jika terdapat kesalahan yang banyak bagi seorang perawi dan hadis yang diriwayatkan itu terdapat *tariq* yang lain maka apa yang dimaksudkan ialah asal hadis tersebut bukan *tariq* yang khusus, jika tidak terdapat *tariq* yang lain, hadis ini adalah benar-benar cacat. Hadis yang seumpama ini tidak terdapat di dalam *Sahih al-Bukhari*, adapun kesalahan yang sedikit bagi seseorang perawi hukum riwayat dari mereka itu kebanyakannya berlaku di dalam *mutaba`ah*.
4. *Jahalah al-Hal*, iaitu perawi yang tidak diketahui keadaannya, ini tidak terdapat di dalam *Sahih al-Bukhari*.
5. *Inqita' al-Sanad*. Dakwaan sanadnya berputus ini tertolak kepada perawi-perawi yang diriwayatkan oleh al-Bukhari akan hadis mereka, kerana sebagaimana termaklum dari syaratnya, namun begitu perawi-perawi yang dihukumkan ada melakukan *tadlis* dan *irsal* hendaklah dikaji hadis-hadis yang diriwayatkan oleh mereka dengan menggunakan lafaz *`an*, jika terdapat *tariq* yang ada menyebutkan mereka ada

---

<sup>1</sup>Ibd Hajar, *Hady al-Sari*, Jil. 11. hal. 1213.

menggunakan lafaz *al-Sama'* tertolaklah dakwaan tersebut.<sup>1</sup>

## 2. Kritikan Matan

Terdapat pengkaji yang telah membuat kritikan terhadap matan al-Bukhari, walau bagaimanapun setelah dikaji didapati pengkritik ini tidak faham dan hikmat hadis yang mereka kritik.

Ahmad Amin di dalam bukunya *Fajr al-Islam* ada menyatakan: al-Bukhari sendiri yang amat mendalam ilmunya dan teliti kajiannya memperakui beberapa hadis yang tidak Sahih menurut kajian yang dapat dilihat. Ini ialah kerana beliau hanya menitikkan kepada kritikan *sanad*. Ahmad Amin telah memberi contoh hadis yang bertentangan dengan kenyataan zaman dan kenyataan yang dapat dilihat. Seperti hadis

” لا يبقى على ظهر الارض بعد مائة سنة نفس مفعوسة ”<sup>2</sup>

maksudnya, tidak terdapat di atas muka bumi setelah seratus tahun jiwa yang masih hidup.

Menurut Ahmad Amin hadis ini bertentangan dengan kenyataannya kerana setelah seratus tahun dari Rasulullah s.a.w. memperkatakan hadis ini manusia masih ramai yang hidup bahkan semakin bertambah ramai sebagaimana yang kita lihat pada hari ini.

Untuk menjawab dakwaan Ahmad Amin ini ialah: Sebenarnya hadis ini adalah merupakan sebahagian dari hadis yang sempurna yang disebutkan oleh al-Bukhari di dalam *kitab al-salah, bab al-Samr fi al-fiqh wa al-khayr ba`d al`isha'* daripada Abdullah bin Omar katanya:

” صلى النبي صلى الله عليه وسلم صلاة العشاء في آخر حياته  
فلما سلم قام النبي صلى الله عليه وسلم فقال ارأيتمكم ليلتكم  
هذه فان رأس مائة لا يبقى من هو اليوم على ظهر الارض احد ”<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup>Ibn Hajar, *Hady al-Sari*, Jil. 11, hal. 144 - 145.

<sup>2</sup>Ahmad Amin, *Fajr al-Islam*, Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah - 1965 - hal. 218.

<sup>3</sup>al-Bukhari, *Sahih di dalam Fath al-Bari*, J. II, hal. 74.

Maksudnya pada akhir hayat Rasulullah s.a.w., Baginda telah sembahyang Isyak, setelah Baginda memberi salam Baginda bangun dan bersabda: Adakah kamu mengetahui pada malam ini sesungguhnya setelah seratus tahun tidak akan tinggal lagi di atas muka bumi seorangpun yang ada pada hari ini.

Hadis ini mencatatkan bahawa setelah seratus tahun dari wafat Rasulullah, tidak ada seorang sahabat yang bersama-sama Rasulullah, masih hidup di atas muka bumi.

Para ulama telah membuat kajian bahawa sahabat Rasulullah yang akhir sekali wafat ialah Abu tufail Amir bin Wathilah. Beliau meninggal dunia tahun 110H. Oleh itu Hadis ini adalah merupakan salah satu daripada tanda kenabian di mana Rasul memperkatakan sesuatu perkara yang belum berlaku dan perkara itu berlaku tepat sebagaimana yang dikatakan oleh baginda. Hadis yang merupakan *'alam al-Nubuwwah* ini jika tidak difahami dan tidak diketahui bagaimana kaedah Imam al-Bukhari menyusun hadis di dalam sahihnya maka ia akan dihukum palsu kerana dikatakan bertentangan dengan kenyataan yang dapat dilihat.

### Hadis-hadis Mu`alaq

Hadis *mu`alaq*' ialah hadis yang dibuang dari awal sanadnya seorang perawi atau lebih.

Hadis-hadis *marfu'* yang *mu`alaq'* ada dua bahagian: 1) *Mausul* pada tempat lain, hukum hadis ini adalah. 2) Tidak *mausul* pada tempat lain. Yang kedua ini sama ada beliau menggunakan *sighah al-Jazm* atau *Sighah al-Tamrid*. Yang digunakan *Sighah al-Jazam* hukumannya adalah sahih. Adapun yang digunakan *Sighah al-Tamrid* ada yang sahih dan ada yang tidak.

Hadis *Mu`alaq* yang menggunakan *Sighah al-Tamrid* dihukumkan sahih apabila diriwayatkan dengan makna dan terdapat pada tempat lain di dalam *Sahih al-Bukhari Musnad*. Hadis *Mu`alaq* yang menggunakan *Sighah al-Tamrid* tetapi tidak terdapat pada tempat lain *musnad*, hukumannya ada yang sahih, *hasan* dan yang daif, hadis yang *hasan* itu pula ada yang disokong oleh amalan para ulama dan ada yang tidak, yang akhir ini adalah amat jarang dan Imam Bukhari sendiri telah menerangkan keda'ifannya.<sup>1</sup>

Tentang hadis-hadis *mauquf* pula Imam Bukhari akan menggunakan *Sighah al-Jazam* sekiranya hadis itu sahih.

---

<sup>1</sup> Ibn Hajar, *Hady al-Sari*, J.1, hal. 27 - 29.

Sebagaimana diperkatakan dahulu matlamat pengumpulan Imam al-Bukhari adalah kepada hadis-hadis yang *musnad* lagi *marfu*<sup>c</sup>, oleh itu hadis *muallaq* bukan merupakan tujuan asal pengumpulan al-Imam al-Bukhari terhadap sahihnya.<sup>1</sup>

### Kesimpulan

Sebagai kesimpulan bahawa hadis *Sahih al-Bukhari* yang menjadi matlamat pengumpulan beliau iaitu hadis-hadis yang berhubung *sanadnya* sampai kepada Rasulullah s.a.w. hukuman adalah sahih.

---

<sup>1</sup>*Ibid*, hal. 30.